

01 MAY 1996

Nik Aziz - Reaksi

KENYATAAN DR MAHATHIR SEBAGAI HADIAH HARI RAYA, KATA NIK AZIZ

KOTA BAHARU, 1 Mei (bernama) -- Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berterima kasih kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan UMNO kerana mengisytiharkan sokongan kepada usaha kerajaan Negeri Kelantan pimpinan PAS untuk meminda Perlembagaan Negeri itu bagi menghadkan kuasa raja jika ia sesuai dengan pendirian UMNO.

Menteri Besar Kelantan itu menyifatkan kenyataan Dr Mahathir yang juga Presiden UMNO sebagai "hadiah Hari Raya."

Menurutnya, beliau tidak menduga UMNO akan mengisytiharkan sokongan kepada PAS dalam usaha mengatasi krisis sekarang antara parti itu dan Parti Melayu Semangat 46 (S46).

"Saya bersyukur kerana nampaknya tidak berlaku lagi masalah tidak cukup majoriti dua pertiga," katanya kepada pemberita selepas menghadiri mesyuarat bersama pemimpin PAS di kediaman rasmi Menteri Besar di sini.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri di Bandar Seri Begawan hari ini bahawa UMNO akan menyokong PAS di Dewan Undangan Negeri Kelantan jika cadangan pindaan Perlembagaan Negeri bagi menghadkan kuasa raja sesuai dengan pendirian UMNO.

Presiden S46 Tengku Razaleigh Hamzah sebelum ini meminta Pas berunding dengan semua parti komponen dalam Angkatan Perpaduan Ummah (Angkatan) sebelum membawa pindaan itu ke Dewan Undangan Negeri.

Nik Aziz berkata kenyataan Dr Mahathir itu cukup bererti kepada PAS kerana sewaktu PAS menyatakan cadangan untuk meminda perlembagaan itu, pihaknya tidak mengetahui bahawa UMNO akan menyokongnya.

Sementara itu, Timbalan Presiden PAS Haji Abdul Hadi Awang berkata pindaan itu selaras dengan pindaan Perlembagaan Persekutuan oleh kerajaan Barisan Nasional pada 1993 dan kemudian dilaksanakan di semua negeri kecuali Kelantan.

Katanya, PAS tetap membentangkannya di Dewan Undangan Negeri walaupun S46 yang menjadi sekutunya dalam Angkatan menolaknya.

Menurut beliau, pindaan itu juga selaras dengan usaha PAS untuk menegakkan Islam sebagai Ad-din khususnya di Kelantan.

Beliau juga berkata setakat ini PAS Pusat tidak berhasrat untuk bertemu dengan pemimpin S46 bagi membincangkan kemelut membabitkan hubungan kedua-dua parti itu.

PAS mempunyai 24 kerusi dalam Dewan Undangan Negeri, S46 mempunyai 12 kerusi sementara UMNO tujuh kerusi. -- BERNAMA

RAR FAZ